

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

SOALAN

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan berapakah jumlah terkini konflik tuntutan bertindih melibatkan Malaysia dan negara-negara lain berkaitan hak milik dan ruang sempadan udara, darat atau maritim dan apakah proses rundingan dan perundangan yang terlibat bagi menyelesaikan konflik ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Rembau atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kawasan - kawasan sempadan yang masih menjadi pertikaian di antara Malaysia dengan negara - negara jiran adalah lebih tertumpu di kawasan maritim. Ini adalah kerana, secara umumnya sempadan darat di antara Malaysia dengan negara-negara jirannya telah sedia wujud dan lebih mudah untuk dibataskan.

Sempadan darat – Indonesia

3. Malaysia komited dalam mencari penyelesaian pertikaian sempadan darat melalui rundingan dengan Republik Indonesia melalui Jawatankuasa Bersama Sempadan Antarabangsa Malaysia-Republik Indonesia.

4. Terdapat beberapa kawasan yang bermasalah dikenalpasti yang yang belum dimuktamadkan berada dalam Sektor Sabah – Kalimantan Utara dan Sektor Sarawak – Kalimantan Barat.

5. Sehingga ini sebanyak 21 MoU yang melibatkan 31 lembar peta telah berjaya ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Malaysia selanjutnya akan meneruskan lagi usaha-usaha ke arah memuktamadkan kawasan yang belum dimuktamadkan di Sektor Sabah-Kalimantan Utara, serta memulakan rundingan di Sektor Sarawak-Kalimantan Barat.

Sempadan Maritim : Indonesia, Singapura, Thailand dan Vietnam

A. Indonesia

6. Terdapat tuntutan bertindih di antara Malaysia dan Indonesia di kawasan Laut Sulawesi, kawasan Tanjung Datu di Laut China Selatan, kawasan paling selatan Selat Melaka serta di sebelah timur Selat Singapura. Malaysia dan Indonesia sedang merundingkan pembatasan sempadan maritim di kawasan - kawasan ini dan sehingga kini 35 Mesyuarat Teknikal Pembatasan Sempadan Maritim telah diadakan. Semasa mesyuarat ke-34, Malaysia dan Indonesia telah bersetuju dengan dua (2) cadangan bersama (*joint proposal*) yang akan diangkat untuk pertimbangan kedua-dua Kerajaan Malaysia dan Indonesia.

B. Singapura

7. Bagi tuntutan bertindih di antara Malaysia dan Singapura pula, Malaysia dan Singapura telah menubuhkan *Malaysia -Singapore Joint Technical Committee* (MSJTC) bagi melaksanakan penghakiman Mahkamah Keadilan Antarabangsa (*International Court of Justice* - ICJ) berhubung Kes Kedaulatan Ke atas Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan pada tahun 2008. Sehingga kini, tujuh (7) mesyuarat MSJTC telah diadakan dalam proses perundingan pembatasan sempadan maritim di antara Batu Puteh dan Batuan Tengah. Mesyuarat Ke-8 dijangka akan berlangsung pada bulan Oktober tahun ini dengan Malaysia sebagai tuan rumah. Proses perundingan ini telah tertunda sebelum ini berikutan terdapat beberapa percanggahan dalam rundingan di antara kedua-dua negara dan kerana Malaysia telah mengemukakan semakan semula penghakiman kes ini kepada ICJ.

8. Selanjutnya, tuntutan bertindih di antara Malaysia dan Singapura juga wujud di kawasan had pelabuhan Johor Bahru di Tanjung Piai dan had pelabuhan Singapura di Tuas. Jawatankuasa Malaysia-Singapura bagi Perbatasan Sempadan Maritim yang telah ditubuhkan oleh Menteri-Menteri Luar Negeri Malaysia dan Singapura pada 14 Mac 2019 telah mengadakan mesyuarat pertama di Singapura pada 13 Mei 2019 bagi memulakan perundingan pembatasan sempadan maritim di kawasan tersebut.

C. Thailand dan Vietnam

9. Tiada sebarang konflik yang timbul bagi tuntutan bertindih di antara Malaysia - Thailand dan Malaysia – Vietnam kerana Malaysia mempunyai “*interim arrangement*” dengan negara-negara tersebut berupa “*joint development*” bagi meneroka dan mengeksploitasi sumber hidrokarbon yang dinikmati bersama oleh Malaysia dan negara-negara tersebut.

10. Kerajaan berpendirian bahawa tuntutan bertindih kawasan maritim perlu diselesaikan secara aman melalui perbincangan dan perundingan dengan negara - negara berkaitan berdasarkan undang - undang antarabangsa dan Konvensyen Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu Mengenai Undang - Undang Laut 1982 (*United Nations Convention on the Law of the Sea 1982 - UNCLOS 1982*).

11. Rundingan pembatasan sempadan maritim mengambil masa yang lama kerana banyak faktor yang perlu dipertimbang dan diteliti di setiap tahap perbincangan dan perundingan meliputi aspek - aspek geografi, teknikal dan undang - undang yang kompleks demi memastikan hasil penyelesaian yang muktamad dan saksama.

12. Malaysia berpendirian bahawa tuntutan bertindih wajar diselesaikan melalui meja rundingan manakala rujukan kepada pihak ketiga seperti ICJ atau Tribunal Timbang Tara adalah merupakan opsyen terakhir di dalam mencapai penyelesaian.

Sekian, terima kasih.